

# Subsidi padi: Skim baru hari ini

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Perusahaan Awam, Datuk Abdul Manan Othman akan mengumumkan skim subsidi harga padi yang baru, di sini petang esok.

Bellau tidak dapat dihubungi hari ini untuk menghuraikan garis-garis kasar mengenai skim tersebut.

Bagaimanapun, seperti yang ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Kedah Ahad lalu, skim tersebut dijangka mengemukakan beberapa perubahan penting.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, bellau difahamkan, skim tersebut akan memudahkan penanam padi memperoleh wang tunai dari kupon yang mereka terima sewaktu menjual padi.

Sementara itu, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan dalam satu temuramah khas yang dikeluarkan dalam Business Times hari ini, bahawa mungkin terdapat kekurangan komunikasi antara pegawai melaksanakan skim padi di Kedah baru-baru ini dengan penanam padi sendiri, hingga mencetuskan demonstrasi.

Bellau yakin skim harga padi yang menggunakan kupon itu dapat diterima oleh penanam padi.